

KENYATAAN MEDIA

**PERUTUSAN
YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA
HARI TAPIR SEDUNIA (*WORLD TAPIR DAY*) 2021**

27 APRIL 2021

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Hari Tapir Sedunia atau *World Tapir Day* disambut pada 27 April setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memulihara spesies Tapir dan habitatnya di seluruh dunia. Sambutan ini cukup dekat di hati kita kerana kita mempunyai Tapir Malaya yang merupakan salah satu spesies ikonik di Malaysia. Tahun ini merupakan tahun ke-13 kita meraikan Hari Tapir Sedunia.

Tapir Malaya merupakan salah satu daripada lima (5) spesies utama yang terbesar di dunia dan satu-satunya spesies yang mempunyai dua warna yang jelas iaitu hitam dan putih apabila dewasa. Tapir Malaya merupakan hidupan liar yang Dilindungi Sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*]. Di peringkat antarabangsa, Tapir Malaya merupakan spesies yang terancam (*endangered species*) dalam senarai *International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List of Threatened Species* dan *Redlist of Mammals for Peninsular Malaysia 2017*.

Sungguh menyedihkan kerana populasi Tapir Malaya kini kian terancam kerana kehilangan habitat, fragmentasi hutan serta menjadi mangsa jerat dan kemalangan jalan raya. Sepanjang tempoh 2015 hingga 2020, sebanyak 92 ekor Tapir Malaya telah menjadi mangsa kemalangan jalan raya di Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu. Tahun 2020 sahaja, sebanyak 24 ekor Tapir Malaya dilaporkan mati akibat kemalangan jalan raya dan trend ini semakin membimbangkan.

Bagi meningkatkan populasi Tapir Malaya di Semenanjung Malaysia, antara usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) adalah program pembiakan dalam kurungan di Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Sungai Dusun, Selangor untuk dilepaskan ke habitat semula jadi. Buat masa ini, terdapat sebanyak 11 ekor Tapir Malaya di PKHL Sungai Dusun dengan purata kelahiran anak seekor setahun. Di samping itu, Jabatan PERHILITAN mengadakan kerjasama strategik konservasi Tapir Malaya dengan Nagasaki Biopark, Jepun.

Justeru, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) komited untuk mempergiatkan konservasi Tapir Malaya secara *in-situ* dan *ex-situ* bagi memastikan kelangsungan spesies unik ini. Namun, konservasi Tapir Malaya bukanlah menjadi tugas KeTSA dan Jabatan PERHILITAN semata-mata tetapi menjadi tanggungjawab kita semua.

Sempena Hari Tapir Sedunia ini, saya menyeru semua pihak berganding bahu memperhebatkan usaha dalam memulihara Tapir Malaya. Saya percaya kita dapat bersama-sama memulihara Tapir Malaya untuk generasi masa depan.

Selamat Menyambut Hari Tapir Sedunia 2021

Sekian, terima kasih.

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

